

Perjalanan KTM dibatal

KUALA LUMPUR – Semua perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad yang menghala ke Selatan dan Timur semalam terpaksa dibatalkan berikutan kejadian banjir di Johor dan Negeri Sembilan.

Menurut kenyataan KTM Berhad, perjalanan tersebut melibatkan Ekspres Rakyat Kuala Lumpur-Singapura, Ekspres Rakyat Singapura-Kuala Lumpur, Ekspres Sinaran Pagi Kuala Lumpur-Singapura Ekspres Sinaran Petang Singapura-Kuala Lumpur, Ekspres Senandung Malam Kuala Lumpur-Singapura dan Ekspres Senandung Malam Singapura-Kuala Lumpur.

Selain itu, Ekspres Timuran Tumpat-Singapura, Ekspres Timuran Singapura-Tumpat, Ekspres Wau Kuala Lumpur-Tumpat dan Ekspres Wau Tumpat-Kuala Lumpur turut dibatalkan.

Penumpang boleh mengemas kini status perjalanan mereka dari semasa ke semasa melalui laman web, media, stesen-stesen KTM Berhad berhampiran atau menelefon talian 03-22671200.

Proton sedia diskaun

KUALA LUMPUR – Para pemilik kereta semua model Proton yang terjejas akibat banjir di seluruh negara bakal menikmati diskaun untuk alat ganti jika menghantar kenderaan mereka di pusat servis atau bengkel yang dilantik Proton.

Pengarah Urusan Proton Holdings Berhad, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir dalam satu kenyataan memberitahu, pihaknya menawarkan pakej pemeriksaan istimewa kepada pelanggan yang terjejas ekoran bencana itu.

Pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Proton i.CARE di talian 1300-880-888 atau 1800-888-398 yang dibuka 24 jam.